

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BUKAN JAWAB LISAN  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

---

**PERTANYAAN : BUKAN JAWAB LISAN**

**DARIPADA : TUAN ANYI NGAU [ BARAM ]**

**SOALAN**

minta **MENTERI PEMBANGUNAN LUAR BANDAR** menyatakan apakah rancangan penyelenggaraan pihak Kementerian berkenaan jalan yang telah siap dibina di bawah Program Naik taraf Jalan di pedalaman Sarawak yang kini telah rosak. Nyatakan strategi penyelenggaraan jalan-jalan tersebut yang kini terabai.

**JAWAPAN**

Untuk makluman Yang Berhormat, Jabatan Kerja Raya (JKR) Negeri Sarawak akan bertanggungjawab untuk menyelenggara jalan luar bandar yang telah siap dengan menggunakan peruntukan di bawah MARRIS (Sistem Maklumat Rekod Jalan Raya Malaysia) yang mana peruntukan tersebut disalurkan oleh Kementerian Kewangan secara terus kepada Kerajaan Negeri.